

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN : 67

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan banduan yang sedang menjalani hukuman gantung sampai mati mengikut pecahan jenis jenayah dan pecahan etnik di antara warganegara dan bukan warganegara dari tahun 2009 sehingga kini serta banduan seumur hidup dalam penjara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 26 Februari 2019 terdapat seramai 1,283 banduan yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati. Hukuman mati tersebut masih belum dapat dilaksanakan kerana banduan terlibat masih dalam proses rayuan sama ada di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan atau di peringkat Lembaga Pengampunan Negeri.

Daripada jumlah keseluruhan banduan akhir ini, statistik menunjukkan bahawa seramai 323 orang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Kesiksaan (membunuh), di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (pengedaran dadah) pula terdapat seramai 930 orang yang telah disabitkan, manakala seramai 8 orang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 121 Kanun Kesiksaan (berperang dengan Yang DiPertuan Agong).

Selain itu, bagi kesalahan di bawah Seksyen 3 dan 7 Akta Senjatapi (melepaskan tembakan di bawah kesalahan berjadual dan berdagang senjatapi) terdapat seramai 13 orang, dan rekod menunjukkan bahawa terdapat 6 orang dan 2 orang masing-masing disabitkan di bawah Seksyen 3 Akta Culik dan Seksyen 396 Kanun Kesiksaan (rompakan berkumpul dan pembunuhan). Manakala, terdapat seorang banduan disabitkan di bawah Seksyen 57 (1)(A) Akta Keselamatan Dalam Negeri (kesalahan melibatkan senjatapi dan bahan letupan).

Bagi pecahan mengikut kewarganegaraan sejumlah 714 orang adalah banduan warganegara Malaysia dan 569 orang adalah banduan warganegara asing, yang berasal daripada 44 buah Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan mengikut etnik bagi banduan warganegara Malaysia terdiri daripada 349 orang banduan Melayu, 193 orang banduan India dan 172 orang banduan Cina. Manakala, jumlah banduan seumur hidup adalah seramai 202 orang.